

# BH – CIMB ISLAMIC, FELDA TEROKA KERJASAMA BANTU PENEROKA

16 September 2020

<b>Kategori</b>	: Kejayaan Staff	<b>Sub-Kategori</b>	: Keusahawanan
<b>Peringkat</b>	: Kebangsaan	<b>Bahagian</b>	: ICAEN
<b>Pelapor</b>	:		
<b>Tempat</b>	: Hotel Grand Blue Wave, Shah Alam, Selangor.		
<b>Penganjur</b>	: CIMB Islamic Bank Bhd		

**Penglibatan/ Kerjasama :** Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), CIMB Islamic Banking Bhd dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda)

**Keterangan Program :**

Program keusahawanan Felda Bilut-CIMB (BiCEP) yang dikendalikan oleh Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) bertujuan memberi pendedahan kepada usahawan daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) untuk menjalankan perniagaan secara formal. CIMB Bank Islamic, Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA) Uitm dan Felda telah menyampaikan 17 geran keusahawanan bernilai RM250,000 kepada peserta yang terpilih ke peringkat akhir program. BiCEP juga adalah penyelesaian bagi masalah capaian kepada institusi kewangan untuk mendapatkan modal apabila CIMB Islamic menawarkan untuk membiayai program ini melalui pelaksanaan tanggungjawab social korporat mereka. Majlis Penyerahan Geran Peserta BiCEP disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Banking, Ahmad Shahrman Mohd Shariff, turut serta hadir, Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Dr. Mohd Azraai Kasim, Pengarah Urusan Felda, Datuk Dr Othman Omar, Dekan FKA, Profesor Dr. Zakiah Ahmad dan Datuk Bandaraya Ipoh, Datuk Rumaizi Baharin.

**Pencapaian :** -

**DISYORKAN UNTUK ANDA**

- CIMB Islamic sasar pertumbuhan produk takaful am
- 100 asnaf jadi usahawan tahun ini
- UTM rai CEO
- Perniagaan terjejas banjir termasuk warung akan dibantu - Najib

Turut hadir Naib Canselor UiTM, Prof Emeritus Datuk Ir Dr Mohd Azraai Kasim dan Pengarah Besar FELDA Datuk Othman Omar.

Program BiCEP yang bermula seawal bulan September 2018 bertujuan membantu usahawan untuk mendapatkan ilmu perniagaan serta melatih mereka untuk menjadi usahawan yang lebih berilmu dan berjaya.

Ahmad Shahrman berkata, BiCEP adalah sebuah program khas yang dibentuk untuk melatih usahawan FELDA yang tidak pernah menerima pendedahan dalam bidang perniagaan secara formal.

Modul-modul telah dibangunkan oleh UiTM untuk program ini telah disesuaikan dengan mengambil kira latar belakang usahawan Felda Bilut, katanya.

"Usahawan dari Felda Bilut menepati kriteria matlamat program dan terpilih sebagai perintis di dalam usaha ini.

"Untuk menjayakan program BiCEP, CIMB Islamic sebagai salah sebuah institusi kewangan yang terunggul di Malaysia telah tampil sebagai pembiaya program melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada masyarakat," katanya.

UiTM pula berperanan sebagai pelaksana program melalui pendekatan akademik di dalam pengisian rangka kerja program secara keseluruhannya.

Bellau berkata, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari Pertumbuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, Kumpulan CIMB akan melaksanakan lebih banyak program keusahawanan di peringkat nasional sebagai sebahagian daripada usaha untuk membantu kelompok usahawan desa seperti di FELDA Bilut untuk meningkatkan taraf ekonomi diri dan keluarga mereka.

"Program-program keusahawanan ini juga adalah selaras dengan strategi Pengantaraan Berasaskan Nilai

